

19/10/2003

Dr Mahathir berucap di Parlimen Timor Leste

KUALA LUMPUR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad yang melawat Republik Demokratik Timor Leste bermula Rabu ini dijadual berucap di Parlimen negara itu selain menyampaikan ucap terna pada satu dialog perniagaan.

Dr Mahathir yang akan diiringi isterinya Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali juga dijadual merasmikan sebatang jalan dengan nama 'Jalan Malaysia' di Dili, ibu negara Timor Leste, kata kenyataan Wisma Putra yang dikeluarkan di sini, semalam.

"Lawatan itu ialah lawatan pertama oleh seorang ketua kerajaan selepas negara itu mencapai kemerdekaan daripada Indonesia pada Mei lalu," kata kenyataan itu lagi.

Lawatan tiga hari itu juga sebagai membalas lawatan Perdana Menteri Timor Leste, Mari Amude Alkatiri pada Ogos lepas dan ia diharap dapat memperkukuhkan hubungan mesra dan akrab bersama negara itu yang berusaha mencapai pembangunan ekonomi dan sosial, dan juga kestabilan politik.

Perdana Menteri dan rakan sejawatannya juga dijangka meninjau peluang untuk mengembangkan hubungan dua hala, dan juga pelaburan di Timor Leste, katanya.

Rombongan beliau akan disertai enam Menteri Kabinet termasuk Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar dan 30 ahli perniagaan.

Dr Mahathir juga akan menemui Presiden Timor Leste Xanana Gusmao dan masyarakat Malaysia di situ.

Malaysia pada tahun lalu adalah pelabur kelima terbesar di negara itu dengan 77 pelabur dari Malaysia melabur dalam industri perkhidmatan dan perkapalan.

Sebelum lawatan ke Timor Leste, Dr Mahathir akan mengadakan lawatan kerja dua hari ke Yogyakarta, Indonesia bermula Selasa untuk menerima anugerah "Asean Federation of Engineering Organisation's (AFEO) Distinguished Fellow" pada satu majlis yang diadakan sempena dengan persidangan kali ke 21 pertubuhan itu.

"Anugerah itu disampaikan kepada Perdana Menteri kerana sumbangan besarnya bagi pembangunan ekonomi di Malaysia," katanya.

Dr Mahathir juga akan melakukan lawatan rasmi dua hari ke Papua New Guinea pada Jumaat selepas menamatkan lawatan ke Timor Leste.

Lawatan itu adalah atas jemputan rakan sejawatannya Sir Michael Thomas Somare. Ia adalah lawatan ketiga beliau ke Papua New Guinea selepas 1982 dan 1984.

Ketika lawatan itu, Dr Mahathir dijangka bertukar pandangan bersama rakan-rakannya mengenai kepentingan bersama di samping mengunjungi Gabenor Papua New Guinea, Jen Sir Silas Atopare.